

## Penularan coronavirus

### Barang keperluan di Johor mencukupi

**Johor Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor memeriksa sejumlah 1,124 premis perniagaan negeri ini, susulan langkah Kerajaan Singapura menaikkan amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakan Penyakit (DORSCON) dari tahap kuning kepada jingga, Jumaat lalu.

KPDNHEP Johor dalam kenyataan di sini, semalam berkata, agensi itu mengambil inisiatif dan tindakan proaktif dengan membuat pemantauan dan pemeriksaan kedudukan bekalan barang keperluan di sekitar Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pasir Gudang serta Kulai mulai kelmarin, secara berterusan.

"Ia berikutan, penularan klip video yang memaparkan rakyat Singapura membuat pembelian panik barangan isi rumah sejak akhir-akhir ini, berikutan amaran DORSCON dari tahap kuning kepada jingga yang dikeluarkan kerajaan republik itu.

"Seramai 60 pegawai penguat kuasa terbabit secara khusus bagi pemeriksaan ini dan sasaran adalah lokasi tumpuan warga

Singapura berbelanja.

"Hasil pemeriksaan mendapati, bekalan barang keperluan seperti makanan dan keperluan asas mencukupi," katanya.

KPDNHEP Johor akan memastikan bekalan barang keperluan tidak terputus dan dijual pada harga berpatutan.

"Pemeriksaan ini juga bagi memastikan bekalan barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung dijual pada harga ditetapkan oleh kerajaan.

"Sehingga kini bekalan barangan kawalan adalah mencukupi di semua peringkat pengilang, pemborong dan peruncit," kata kenyataan berkenaan.

Pengguna boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan kekurangan bekalan atau kenaikan harga secara tidak munasabah kepada kementerian di talian 03 - 8000 8000 Malaysia Government Call Centre (MYGCC), Call Centre 1800 886 800 selain Enforcement Command Centre (ECC) 03 - 8882 6245 / 6088.

**Sehingga kini bekalan barangan kawalan adalah mencukupi di semua peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.**

**Kenyataan KPDNHEP Johor**